

# 'Saya tidak pernah hina ulama'

BH 1 MAR 2002

SEPANG, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak pernah mengkritik ulama, apalagi menghina mereka di Forum Ekonomi Dunia di New York seperti dilaporkan akhbar *Los Angeles Times* baru-baru ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, beliau menjelaskan mengenai kekeliruan kebanyakan umat Islam mengenai ulama sebenar dan ulama politik yang cuba menghalalkan segala kesalahan parti politik mereka.

"Tidak pernah sama sekali saya menghina ulama. Kebanyakan yang hadir itu adalah mereka yang beragama Islam. Memang ada yang beragama Kristian dan Yahudi hadir sama.

"Kita harus jelaskan perkara ini kerana ada kala-

ngan mereka terkeliru bahawa orang Islam adalah penganas dan mereka tidak ada rasional langsung dalam fikiran mereka," katanya pada sidang akhbar setibanya di sini petang ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai laporan itu, yang kemudiannya digunakan oleh pemimpin Pas kononnya beliau menghina ulama.

Beliau berkata, apa yang dikecamnya ialah mereka yang mendakwa diri ulama tetapi bukan ulama sebenar. Golongan itu menggunakan pengaruh mereka untuk mengelirukan orang Islam.

"Mereka ini mendakwa hanya mereka yang berhak memerintah sesebuah negeri. Kenyataan ini dibuat oleh mereka sendiri.

Saya berpendapat bahawa pemerintahan sesebuah negeri mestilah dibuat oleh orang yang cekap dalam bidang pemerintahan.

"Kalau mereka adalah orang terpelajar dalam bidang agama kita tidak ada masalah, tetapi janganlah kata seseorang yang ada pelajaran agama adalah pakar dalam semua bidang.

"Ini tidak benar sama sekali. Tetapi mereka mendakwa hanya mereka saja yang layak memerintah," katanya.

Ditanya sama ada ulama politik yang dimaksudkan itu daripada Pas, beliau berkata ucapan beliau adalah umum kerana golongan seumpama itu ada di mana saja.

Mengenai cadangan penubuhan Majlis Perun-

dangan Ulama Negara (MPUN), beliau berkata ia akan ditubuhkan secepat mungkin dan anggotanya akan terdiri daripada ulama yang bebas daripada politik.

"Bagaimana pun sebagai kerajaan, kita tetapi akan ambil bahagian juga," katanya.

Sementara itu, dalam wawancara dengan stesen berita satelit *Al Jazeera* di London awal pagi ini, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berniat atau ditekan Amerika Syarikat untuk menghapuskan Pas berikutan pembabitan segelintir ahli parti itu dengan aktiviti keganasan.

Beliau berkata, sebagai negara demokratik, tidak ada sebab Malaysia akan berbuat demikian. Amalan demokrasi memberikan

hak kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan dan menubuhkan parti politik.

Perdana Menteri percaya kepemimpinan Pas turut menolak tindakan ganas yang dilakukan sebilangan ahli dan penyokong parti itu.

"Amerika Syarikat tidak menuntut kami berbuat demikian. Saya rasa seperti parti Pas juga tidak menyokong tindakan yang dilakukan segelintir pemuda atau ahli mereka, termasuk anak Datuk Nik Aziz Nik Mat.

"Tindakan itu dilakukan sekumpulan golongan muda dalam parti berkenaan. Itulah maklumat yang kami terima. Jadi, tidak ada sebab mengapa kami perlu menghapuskan parti itu," katanya.